

EKSKLUSIF

Gejala sakit mental pelajar boleh cetus masalah kronik

BH
2/9/16
mls 6

→ Tekanan teruk, murung boleh mengakibatkan jenayah, gangguan ke atas orang lain



Kes ini mungkin baru sebahagian kecil daripada (jumlah) yang sebenar, kerana kami dapati apabila berbincang dengan guru, masih ada mereka (pelajar) yang tidak mendapatkan rawatan”

Dr Ramli Mohd Ali,
Pakar Perunding Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja, Institut Pediatrik Hospital Kuala Lumpur



Oleh Wan Noor Hayati
Wan Alias
wanti@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Dua daripada 10 pelajar sekolah negara ini dikesan mengalami gejala penyakit mental yang teruk.

Jenis Penyakit Mental Kanak-kanak

1 Autistik (Autism)

- Gangguan pembelajaran (Learning Difficulty)
- Terencat akal (Mental Retardation)
- Tingkah laku kanak-kanak

2 Kurang Penumpuan & Hiperaktiviti (ADHD: Attention Deficit Hyperactive Disorder)

- Masalah 'oppositional' (membanggang) dan 'defiant' (ingkar) atau (ODD: Oppositional Defiant Disorder)
- Masalah 'conduct' (Tingkah laku menimbulkan pelbagai Masalah)
- Masalah psikotik

3 Skizofrenia (gila, mendengar bisikan, halusinasi)

4 Masalah berkaitan emosi

- Kemurungan
- Bipolar
- Panik
- Fobia (Ketakutan)
- Penyakit Was-was (Obsessive Compulsive Disorder: OCD)

5 Masalah pemakanan

- Anorexia nervosa
- Bulimia nervosa

6 Kecelaruan identiti dan jantina dalam kalangan kanak-kanak

Info

Pesakit Mental Kanak-kanak di Hospital Kuala Lumpur (HKL)

Gejala itu jika tidak dirawat awal boleh membawa kepada penyakit mental kronik apabila mereka dewasa termasuk kemungkinan terbahit jenayah dan gangguan kepada orang lain.

Penemuan itu diperoleh daripada hasil kajian Program Minda Sihat Menangani Stres Dalam Kalangan Murid Sekolah kendalian Kementerian Kesihatan, membatik 30,000 pelajar yang disaring antara 2011 hingga 2015.

Gejala dihadapi golongan yang berusia antara tujuh hingga 17 tahun itu, termasuk kemurungan, resah, gangguan mental dan stres yang teruk.

Menerusi kajian itu, pegawai perubatan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan berkunjung ke sekolah dalam tempoh berkenaan untuk melaksanakan saringan membatik sejumlah 6,000 pelajar setahun.

Walaupun kajian itu hanya dilakukan sehingga 2015, pakar psikiatri menyifatkan ia satu pola yang membimbangkan berkaitan kesihatan mental kanak-kanak dan remaja sekolah di negara ini.

Saringan itu dilakukan sebagai persediaan untuk tindakan selepas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengeluarkan kenyataan bahawa penyakit mental akan menjadi kedua tertinggi di dunia pada 2020.

Mengulas penemuan itu, Pakar

Perunding Psikiatri Kanak-kanak dan Remaja, Institut Pediatrik Hospital Kuala Lumpur, Dr Ramli Mohd Ali, berkata contohnya, di Malaysia sekolah meletakkan isu pelajaran hiperaktif dalam kategori masalah disiplin yang mana sepatutnya ia dirujuk kepada pakar psikiatri.

Program kaunseling

“Di Singapura, sudah ada program kaunseling yang berhubung terus dengan hospital mental,” katanya kepada BH.

Penemuan itu juga selari dengan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2015 yang menunjukkan 600,000 kanak-kanak berusia lima tahun hingga 16 tahun di negara ini dikesan mengalami masalah kesihatan mental.

NHMS ialah kajian Kementerian Kesihatan untuk mengenal pasti masalah kesihatan biasa, keperluan kesihatan dan perbelanjaan untuk membolehkan kementerian merangka tindakan masa depan.

Dr Ramli berkata masalah mental kanak-kanak berpunca daripada faktor persekitaran, sekolah, keluarga, rakan atau faktor genetik.

“Gejala kemurungan jika tidak dirawat awal boleh membahayakan diri atau orang lain kerana pesakit akan bertindak di luar kawalan minda diri.

“Suka bersendirian dalam bilik, selera makan berkurang, sukar tidur, kerap kencing dan lain-lain adalah antara simptom awal penyakit mental,” katanya.

Dalam pada itu, jelas beliau, pesakit mental kanak-kanak, Kurang Perumpuan & Hiperaktiviti (ADHD) yang tidak dirawat pada peringkat awal juga berbahaya kepada individu terbahit dan orang lain kerana berpotensi terjebak dalam jenayah apabila dewasa.

Katanya, sikap pesakit ADHD yang suka bergaduh, panas baran menyebabkan mereka disisihkan masyarakat sejak kanak-kanak sehingga berasa diri tidak penting, yang mendorong mereka melakukan perkara tidak baik untuk menarik perhatian.

“Pesakit ADHD biasanya mencari kelompok mereka sendiri dan melakukan aktiviti bersama seperti membuli, penagihan dadah, lumba haram, perjudian dan jenayah,” katanya.

Beliau berkata satu kajian terhadap penghuni penjara pernah dilakukan mendapati sebahagian besar penjenayah mempunyai tingkah laku ADHD ketika kanak-kanak yang mana penyakit mental jenis itu paling tinggi direkodkan.

 **Untuk video**
layari www.bharian.com.my

JENIS PENYAKIT	TAHUN	
	2014	2015
→ ADHD	709	731
→ Autisme	479	610
→ Masalah pembelajaran (Learning Disorder)	204	331
→ Tekanan (Depress)	164	144
→ Skizophenia	491	314
→ Lain-lain	445	447

Jumlah pesakit psikiatri kanak-kanak pada tahun 2014 dan 2015 Lembah Klang

Tahun	Umur < 10 tahun	Umur > 19 tahun
2014	1,731	761
2015	1,248	1,329

